

22 JUN 2002

Mahathir-Reaksi (PAS)

DR M PATUT RUNDING DENGAN MT MENGENAI KEPUTUSANNYA, KATA HADI

KUALA TERENGGANU, 22 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata Perdana Menteri sepatutnya berunding dahulu dengan Majlis Tertinggi Umno sebelum membuat pengumuman mengenai peletakan jawatannya.

Beliau berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seharusnya membuat perkiraan dengan kepimpinan MT kerana keputusan meletakkan jawatan merupakan perkara yang penting dan tindakan persediaan perlu dibuat.

Abdul Hadi berkata demikian sebagai mengulas tindakan Dr Mahathir mengumumkan peletakan jawatannya sebagai presiden Umno dan pengerusi Barisan Nasional pada akhir perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di Kuala Lumpur hari ini.

Dr Mahathir bagaimanapun menarik balik keputusannya itu setelah dipujuk semua anggota MT dan dirayu para anggota Umno yang hadir di Dewan Merdeka tempat perhimpunan itu berlangsung.

Kenyataan Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu itu disampaikan melalui Setiausaha Akhbarnya Zahari Mohamad ketika dihubungi di sini malam tadi.

Abdul Hadi berkata keputusan yang dibuat Dr Mahathir melibatkan urusan dalaman parti.

"Ia perkara penting yang sepatutnya mendapat perkiraan awal di kalangan pimpinan Majlis Tertinggi sebagai persediaan untuk pengganti dan bagaimana penerimaan anggota," katanya.

Beliau berkata dari reaksi spontan MT, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Tetap Tun Sulaiman Ninam Shah yang kaget dengan pengumuman Dr Mahathir itu, menggambarkan keputusan yang dibuat bukan secara kolektif.

Dr Mahathir seolah-olah ingin menguji keyakinan anggota Umno dan pengumannya menggambarkan seolah-olah parti itu dikuasai seorang dengan keputusan yang dibuat tanpa perbincangan terlebih dahulu bukan secara kolektif, kata Abdul Hadi.

-- BERNAMA

MRA RON